

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
BIL. 3/2019**

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tarikh : 8 November 2019 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Gemilang Aras 6
Bahagian Hal Ehwai Undang-Undang

Pengerusi: Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber
Manusia

Kehadiran : Seperti di **Lampiran A**

BIL	PERKARA	STATUS TINDAKAN
1.	PERUTUSAN Pengerusi	
1.1	<p>Tuan Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang dapat hadir. Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa ini merupakan mesyuarat yang terakhir untuk tahun ini dan juga mesyuarat yang menentukan perancangan untuk aktiviti tahun hadapan. Objektif kali ini ialah :</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mengenalpasti aktiviti tahun hadapan dan persediaan yang dijalankan;ii. Tahun hadapan merupakan tahun penilaian untuk pensijilan yang akan datang. Sijil EKSA yang diperolehi daripada MAMPU akan tamat pada 31 Ogos 2020. Ini bermakna laporan perlu dihantar sekitar bulan Mei hingga Jun 2020. Mesyuarat dimaklumkan bahawa BHEUU telah mendapat pensijilan kategori Cemerlang dalam tahun 2018	Makluman


	<p>daripada MAMPU. Sehubungan dengan itu, penilaian akan mengambil kira impak sebelum dan selepas EKSA dilaksanakan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sehingga kini; dan</p> <p>iii. Dari segi kesiapsiagaan BHEUU dengan program-program EKSA, libat urus antara pengurusan dan warga BHEUU dilaksanakan semasa perhimpunan bulanan yang diadakan setiap dua bulan sekali.</p>	Urus Setia
1.2	Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa BHEUU perlu bersedia menerima lawatan daripada jabatan/agensi luar sebagai sebahagian daripada program EKSA. Objektif ini boleh tercapai menerusi lawatan balas BHEUU kepada agensi-agensi yang telah mendapat pensijilan EKSA.	Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan/ Urus Setia
1.3	Tuan Pengerusi juga mengucapkan selamat datang kepada Encik Syed Shahril Bin Syed Mohamed daripada Seksyen Dasar yang telah dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan EKSA yang baru.	Makluman
2.	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 2/2019	
2.1	Minit Mesyuarat Bil. 2/2019 telah setuju disahkan tanpa pindaan.	Makluman
3.	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	Laporan Ketua-Ketua Sektor	
3.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa sehingga 2.8.2019 hanya Sektor Mitigasi yang menghantar laporan kepada urus setia. Ucapan tahniah kepada sektor tersebut yang telah memberikan kerjasama.	Makluman
3.1.2	Mesyuarat mengambil maklum supaya setiap sektor dan jawatankuasa menghantar laporan mengikut format yang telah dipersetujui kepada urus setia <u>selewat-lewatnya pada 22 November 2019.</u>	Semua Ketua Sektor dan Jawatankuasa

3.1.3	Mesyuarat mengambil maklum beberapa perkara yang perlu diambil perhatian di sektor-sektor iaitu sekiranya ada kerosakan di setiap sektor tindakan selanjutnya adalah dengan menghantar emel kepada pihak penyelenggaraan untuk pembaikan dan disalinkan kepada unit khidmat pengurusan. Perkara ini perlu direkodkan oleh sektor-sektor sebagai sebahagian daripada elemen penilaian.	Ketua-Ketua Sektor
3.2	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Keseragaman	
3.2.1	Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan mengadakan audit dalaman EKSA bersekali dengan pertandingan sebelum lawatan MAMPU untuk tujuan pensijilan lanjutan. Cadangan awal pada Februari dan Jun 2019 .	Jawatankuasa Audit dan Keseragaman
3.2.2	Mesyuarat juga mengambil maklum akan cadangan daripada Ketua Sektor Pematuhan supaya diadakan lawatan setiap bulan ke setiap seksyen oleh Jawatankuasa Audit Dan Keseragaman bersama urus setia bermula bulan Januari tahun 2020 .	Jawatankuasa Audit dan Keseragaman/ Urus Setia
3.3	Laporan Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan	
3.3.1	Mesyuarat mengambil maklum daripada Ketua Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan yang baru dilantik bahawa beliau akan menyemak semula perancangan yang telah disusun oleh Ketua Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan sebelum ini.	Makluman
3.3.2	Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa cadangan program lawatan akan diteruskan dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 1 Tahun 2020.	Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan
3.4	Laporan Jawatankuasa Promosi	
3.4.1	Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan meneruskan pemberian pengiktirafan bintang kepada sektor yang aktif memuat naik aktiviti dalam <i>facebook</i> (FB)/laman sesawang EKSA BHEUU. Pemenang setiap	Jawatankuasa Promosi


	bulan akan dikemukakan kepada urus setia bagi tujuan pengumuman dan pemakluman kepada warga BHEUU.	
3.4.2	Mesyuarat juga mengambil maklum akan FB dalam laman sesawang EKSA yang telah lama tidak dikemaskini oleh sektor masing-masing. Ketua Sektor perlu mengemukakan laporan bergambar selewat-lewatnya pada 22 November 2019.	Semua Sektor
4.	HAL-HAL LAIN	
4.1	Perancangan Aktiviti Tahun 2020	
4.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa perancangan aktiviti EKSA bagi tahun 2020 hendaklah dikemukakan kepada urus setia selewat-lewatnya pada 18 Disember 2019.	Semua Sektor dan Jawatankuasa
4.2	Pelantikan Ketua Sektor	
4.2.1	Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan supaya pelantikan Ketua Sektor bagi tempoh dua (2) tahun pelantikan dan cadangan ini dipersetujui oleh ahli mesyuarat.	Urus Setia
4.3	Program Gotong Royong Induk	
4.3.1	Mesyuarat juga mengambil maklum akan cadangan mengadakan program gotong royong di peringkat induk iaitu BHEUU dalam tahun 2020. Mesyuarat penyelarasan akan diadakan.	Urus Setia
4.4	Penglibatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesioanal Dalam Aktiviti EKSA	
4.4.1	Mesyuarat mengambil maklum akan perlunya penglibatan sepenuhnya daripada pihak pengurusan dalam aktiviti-aktiviti EKSA dan bukan hanya meletakkan tanggungjawab kepada pihak pelaksana semata-mata. Mesyuarat mengambil maklum bahawa strategi melibatkan kumpulan ini boleh dilaksanakan oleh ketua-ketua sektor melalui:	Makluman

	i) Laporan EKSA dalam mesyuarat pengurusan seksyen; dan ii) Laporan EKSA berkala kepada pengarah seksyen.	
4.5	Laporan Pegawai Bertugas Harian (PBH)	
4.5.1	Mesyuarat diminta mengambil perhatian mengenai pentingnya mengisi borang PBH dan ulasan di ruangan yang disediakan di dalam borang laporan berkenaan. Pihak keselamatan akan mengadakan naziran mengejut berhubung perkara ini.	Makluman
5	PENUTUP	
5.1	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 tengahari dengan ucapan terima kasih dari Tuan Pengerusi.	

Disediakan oleh:


Faridah Binti Ishak
Unit Inovasi
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
 Tarikh: 11 November 2019

Disemak Dan Diluluskan oleh:


Haji Mohd Shahren Bin Ahmad Saman
Pengarah (PSM)
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
 Tarikh: 14/11/19

KEHADIRAN

1.	Haji Mohd Shahren Bin Ahmad Saman Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	-	Pengerusi
2.	Encik Syed Shahril Bin Syed Mohamed Ketua Penolong Pengarah Seksyen Dasar	-	Ketua Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan
3.	Puan Nor Ashekin Binti Anwar Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Jawatankuasa Audit Dalam Dan Keseragaman
4.	Puan Noordalina Binti Mahmud Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Wakil Ketua Jawatankuasa Promosi
5.	Puan Noorhayati Binti Nordin Ketua Pembantu Tadbir Seksyen Kewangan	-	Wakil Ketua Sektor Akauntabiliti, Aras 5
6.	Encik Wan Hasrul Effendy Bin Sulaiman Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) Unit Khidmat Pengurusan	-	Ketua Sektor Pematuhan, Aras 5
7.	Puan Fadzliatun Nafisah Binti Ahmad Pembantu Tadbir (P/O) Unit Integriti	-	Ketua Sektor Adil, Aras 7
8.	Puan Khairul Azwati Binti Bukhari Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Sektor Cyber Law Aras 5

9.	Puan Norlida Binti Ibrahim Ketua Pembantu Tadbir Seksyen Pembangunan	-	Ketua Sektor Litigasi, Aras 4
10	Encik Sheikh Farhan Bin Ahmad Pembantu Operasi Unit Komunikasi Korporat	-	Wakil Ketua Sektor 588, Aras 4
11.	Puan Noor Akmar Binti Shahrin Pembantu Tadbir (P/O) Seksyen Dasar	-	Ketua Sektor Mitigasi, Aras 6
12.	Puan Siti Shuhaila Binti Mohd Rawi Pembantu Tadbir (P/O) Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	-	Ketua Sektor Bona Fide, Aras 2 & Aras 5
13.	Puan Faridah binti Ishak Penolong Pegawai Tadbir kanan Unit Inovasi	-	Urus Setia
14.	Cik Rohayati Binti Hussin Pembantu Tadbir (P/O) Unit Inovasi	-	Urus Setia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1.	Puan Nor Azlina Binti Kamarudin Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Jawatankuasa Promosi
2.	Puan Tuan Rohaya Binti Tuan Ismail Ketua Pembantu Tadbir Seksyen Kewangan	-	Ketua Sektor Akauntabiliti
3.	Encik Mohamad Fida'udin Bin Mohamed Raimi Pembantu Tadbir (P/O) Unit Komunikasi Korporat	-	Ketua Sektor 588

